

21/07/2002

'Saya akan terus berjuang'

Hazirah Che Sab

UNGKAPAN "Selamat malam Malaysia, di mana jua anda berada," mungkin biasa kedengaran bagi penonton yang setia mengikuti laporan sukan TV3 sedikit masa dulu. Penuturnya, ketika itu kelihatan lincah dan bersemangat memberikan laporan sukan yang diadakan di dalam dan luar negara.

Bagaimanapun, keadaannya kini amat berbeza. Ras Adiba Radzi, 33, yang dulunya bebas bergerak ke sana sini mencari bahan untuk berita selain sempat meluangkan masa menghadiri majlis puisi, kini terlantar di katil berikutan penyakit saraf yang dihadapinya.

Lebih mencabar keimanan Ras Adiba yang lebih mesra dengan panggilan Dib apabila beliau sudah tidak boleh berjalan lantaran penyakit berkaitan saraf iaitu lumpuh dari pinggang ke bawah dan terpaksa menggunakan kerusi roda untuk bergerak.

Namun, ia tidak sedikitpun menggugat semangat dan keinginannya untuk pulih seperti sebelumnya. "Sebagai orang Islam, saya akur dengan takdir Allah, tetapi saya juga tahu yang Allah tidak suka pada hamba-Nya berputus asa.

"Bagi saya, peluang masih ada dan untuk itu, saya akan terus berjuang. Namun saya tidak mampu berjuang seorang diri tanpa bantuan orang ramai terutama dari segi kewangan.

"Oleh kerana itulah, saya memerlukan sumbangan orang ramai untuk mengumpul wang sejumlah kira-kira RM300,000 bagi membolehkan saya menjalani rawatan di Australia bermula Selasa atau Rabu ini," katanya ketika ditemui di Pusat Perubatan Pantai di ibu negara, kelmarin.

Pada hari yang sama, Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM) menyampaikan sumbangan RM2,000.

Penderitaannya mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk rakan artis. Bukan sekadar orang perseorangan atau pertubuhan, sekumpulan artis yang diketuai pelakon Didie Alias turut berhasrat membantunya menerusi penganjuran konsert amal yang dijadualkan pada 3 Ogos ini.

Ras Adiba menyatakan rasa terharu di atas keprihatinan orang ramai yang menghulurkan sumbangan serta mengirinkan kad ucapan.

Ketua Eksekutif TV3, Ahmad Farid Ridzuan, yang turut melawat Ras Adiba bersama beberapa kakitangan pengurusan TV3, berkata stesen penyiaran itu kagum dengan semangat kentalnya menghadapi saat yang amat getir ini.

Katanya, sebagai menghargai jasanya kepada stesen televisyen itu, TV3 menyediakan dua tiket penerbangan pergi balik ke Australia bagi membolehkannya menjalani pembedahan itu.

Selain itu, Ahmad berkata, TV3 juga akan bekerjasama dengan anak syarikat lain di bawah kumpulan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) untuk memungut derma daripada kalangan pengurusan dan kakitangannya.

Malam kelmarin, Tan Sri Datuk Nor Mohamad Yakcop, penasihat kepada Perdana Menteri melawat Ras Adiba di hospital berkenaan.

Biarpun berhadapan dugaan hidup yang perit, personaliti TV yang pernah beraksi dalam teater Inggeris berjudul Jebat itu tetap ramah melayani pelawat malah sempat bergurau.

Sekali gus ketenangan yang terserlah di wajah pengacara dan pencinta sastera itu menunjukkan semangat kentalnya melawan kesakitan.

Sejak kisah penderitaannya disiarkan melalui media pada 16 Julai lalu, ramai yang menghulurkan sumbangan dan hingga kelmarin sebanyak RM175,000 dapat dikumpulkan.

Rabu lalu, kira-kira jam 7 petang, Ras Adiba turut dikunjungi tetamu

istimewa iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memperuntukkan hampir sejam berbual dengannya sejurus sekembali dari Putrajaya.

"Saya terharu dengan kunjungan Perdana Menteri dan terima kasih juga pada mereka yang tidak putus memberi semangat. Walaupun hebat dugaan ini, ia ujian yang perlu saya hadapi," katanya tenang.

Pada masa sama, Ras Adiba turut meluahkan hasrat untuk membukukan kisah hidupnya sebaik saja sembuh nanti selain menyiapkan antologi puisi terbaru berjudul Kalau Kau Mahu.

Ras Adiba berkata, dia mahu kembali normal - boleh berjalan memandu kereta membaca puisi. Doktor yang merawatnya menasihatkan supaya segera menjalani pembedahan di Australia berikutan penyakit yang dialaminya itu membabitkan saraf tunjang.

"Sekarang tidak boleh nak buat apa sangat, hanya makan vitamin untuk urat saraf, fisioterapi dan senaman regangan. Ada juga doktor membantu saya dari segi psikologi terutama membabitkan kesan selepas pembedahan nanti," katanya.

Ras Adiba cedera pada tulang belakang apabila terbabit dalam kemalangan jalan raya sewaktu pulang membuat liputan Piala Malaysia pada 1995. Dia menjalani rawatan pada 1999 dan 2001 bagi tujuan pembedahan tulang belakang dan doktor memasukkan 24 keping implan pada tulang belakangnya dengan dibantu `pace maker' bagi mengurangkan kesakitan.

Walaupun dibebani penyakit yang boleh menyebabkannya lumpuh seumur hidup, semangatnya tetap kuat untuk pulih seperti biasa.

Katanya, rawatan yang dijalani di hospital berkenaan merangkumi beberapa ujian dan rekod mengenai hasil ujian itu akan dihantar ke Australia apabila dia menjalani pembedahan di negara itu.

"Di sana, beberapa ujian lagi dijalankan dan jika semuanya berjalan lancar, pembedahan akan dilakukan secepat mungkin," katanya.

Ras Adiba berkata, dia terharu apabila ada peminat yang tidak dapat menziarahinya meminta supaya tidak bersedih. Dia berharap orang ramai terutama peminatnya mendoakan agar segera sembuh.

"Mereka kata saya ini adalah penyambung harapan mereka, kalau saya yang menjadi harapan mereka bersedih dan sakit, seolah-olah separuh daripada mereka sudah hilang.

"Mereka meminta saya selalu tersenyum dan jangan nampak bersedih. Saya juga terharu kerana rakan media banyak memberi sokongan dan sumbangan serta melawat saya di sini," katanya.

Bagaimanapun, Ras Adiba reda kerana itu ketentuan Tuhan, apa yang jadi sudah tersurat. Tuhan beri kita sakit mungkin ada dosa yang nak diampunkan.

Mengenai tawaran seorang pengamal perubatan tradisional dari Pusat Rawatan Al-Mansur iaitu Mohd Khairuddin Nasron, 38, yang mahu merawat penyakit berkenaan, Ras Adiba berkata, doktor menasihatkannya supaya menjalani pembedahan di Australia terlebih dulu.

"Saya berterima kasih pada pihak yang sudi membantu saya, tetapi buat masa ini biarlah saya menjalani pembedahan ini dulu," katanya.